



MENGAWALSELIA PELABURAN MEWAH: APA YANG TIDAK BOLEH DIBELI DENGAN WANG HARAM

Pelaburan mewah, seperti barangan dan hartanah, adalah antara kaedah pilihan untuk individu yang melakukan rasuah menyembunyikan dana haram mereka. Pendapatan daripada rasuah sering digunakan untuk membeli hartanah, kereta mewah dan limousine, kapal layar, kapal terbang jet, logam berharga dan barang kemas. Dengan berbuat demikian, pelaku rasuah bukan sahaja mendapat manfaat daripada keuntungan haram mereka, malah ia juga menyukarkan pegawai penguatkuasa cukai dan undang-undang untuk mengesan asal-usul dana tersebut.

Pembelian barangan mewah merupakan pertaruhan yang selamat untuk pelaku rasuah. Selain daripada menjadi "lambang kekayaan", sektor ini seringkali tidak dikawal oleh pihak penguatkuasa undang-undang. Walaupun pada hakikatnya, di beberapa negara sektor barangan mewah merupakan suatu kewajipan yang harus dipatuhi bagi mencegah pelaburan wang haram sama seperti yang dikenakan ke atas institusi kewangan.

Bagi 'Transparency International', kelemahan ini perlu ditutup. Individu yang melakukan rasuah mesti dihentikan dari menggunakan dana haram melalui pelaburan mewah.

Mereka tidak harus diberi kebebasan untuk menikmati keuntungan haram mereka dengan sewenang-wenangnya.

Adalah penting untuk mengambil langkah undang-undang dan menguatkuasakan peraturan sepenuhnya (mana-mana yang sedia wujud) yang memerlukan perniagaan dalam bentuk bukan kewangan tetapi dengan mendagangkan barangan bernilai tinggi bagi mematuhi kewajipan pencegahan pelaburan wang haram seperti usaha wajar, penyimpanan rekod dan melaporkan aktiviti yang mencurigakan.

Kebanyakan piawai antarabangsa dan agensi penguatkuasa undang-undang menumpukan usaha mereka dalam membentasi pelaburan wang haram oleh bank-bank dan institusi kewangan. Walau bagaimanapun, beberapa sektor bukan kewangan, seperti hartanah dan barangan mewah, amat terdedah kepada aliran wang haram. Kini ianya adalah masa untuk membersihkan sektor ini dan menutup kelemahan bagi pelaku rasuah.

ISU

Barangan Mewah Sebagai Kaedah yang Selamat

Aset yang dicuri sering diseelinap masuk ke dalam sektor barangan mewah. Pembelian atau pelaburan dalam sektor barangan mewah biasanya dilakukan dikawasan yang berlainan dengan sumber asal dana. Walaupun urusan niaga tersebut merupakan tanda gaya hidup mewah, mereka juga mempunyai tujuan yang jelas: mereka membenarkan wang haram untuk memasuki pasaran secara sah dengan menukarkannya kepada bentuk aset yang seolah-olah "bersih". Proses ini menjadikan ianya lebih sukar dan rumit untuk pihak berkuasa cukai dan penguatkuasa undang-undang untuk mengesan, membeku dan mengembalikan dana.

USAHA WAJAR

"Usaha wajar" adalah frasa yang biasa digunakan untuk melakukan pemeriksaan yang betul terhadap pelanggan atau pelaburan untuk memastikan bahawa mereka tidak merupakan risiko kepada perniagaan seseorang, disebabkan sumber pembiayaan yang dipersoalkan atau bersabit dengan rasuah. Peningkatan "usaha wajar" merupakan "istilah yang digunakan untuk merujuk kepada kenali keadah pelaburan wang haram pelanggan anda termasuk pengesahan dan dokumentasi oleh pihak ketiga dan boleh

BARANGAN MEWAH DAN FATF

Sektor barangan mewah sering dimasukkan sebagai sebahagian daripada kategori "Perniagaan Bukan Kewangan dan Profesion" (DNFBPs).

Di bawah peraturan yang dicadangkan oleh Pasukan Petugas Tindakan Kewangan (FATF), kumpulan ini merujuk kepada pelbagai perantara yang boleh terlibat dalam pelaburan wang haram: kasino, ejen hartanah, peniaga logam berharga dan batu, peguam, notari, akauntan luaran dan pembekal perkhidmatan yang mana, menawarkan perkhidmatan kepada pihak ketiga yang berkaitan dengan penubuhan syarikat, penyediaan alamat perniagaan berdaftar, calon pengarah atau pemegang saham, serta pemegang amanah bagi amanah ekspres

Dalam sesetengah bidang kuasa, kategori ini juga termasuk peniaga barangan bernilai tinggi (penjual semula kereta mewah, kapal layar, karya seni, dan lain-lain) atau, sebagai alternatif, mana-mana peniaga yang menerima bayaran tunai melebihi ambang tertentu.

Sebab mengapa barangan mewah adalah antara kaedah pilihan untuk menyembunyikan hasil dari rasuah adalah agak mudah: ianya menjadi "lambang kekayaan" dan dapat memindahkan nilai wang yang dicuri ke dalam aset yang bernilai tinggi seperti hartanah dan barang kemas. Pada masa yang sama, pembelian ini sering terlepas pemeriksaan usaha wajar walaupun di negara-negara yang memerlukan perniagaan dalam bentuk kewangan mematuhi peraturan anti pelaburan wang haram (AML) (lihat bar sisi). Secara teori, langkah pengawalan bertujuan untuk mengetahui asal-usul dana pelanggan dan melaporkan aktiviti yang mencurigakan seperti membayar tunai sepenuhnya untuk hartanah mahal, kereta dan permata.

Walaupun perhatian telah diberikan baru-baru ini oleh kerajaan kepada masalah pelaburan wang haram, laporan aktiviti yang mencurigakan masih rendah dalam sektor barangan mewah. Data dari Kesatuan Eropah memberikan gambaran yang mengecewakan: dalam kalangan semua urus niaga mencurigakan yang dilaporkan pada tahun 2010, hanya 0.04 peratus telah dikemukakan oleh ejen hartanah dan hanya 0.7 peratus oleh peniaga barangan yang bernilai tinggi (0.03 peratus jika UK dikecualikan).

Di Germany, United Kingdom dan Italy, laporan negara mendedahkan trend membimbangkan yang sama: ejen hartanah dan perniagaan bernilai tinggi melaporkan urus niaga yang meragukan pada tahap kecil sahaja dan tidak bersesuaian dengan beribu-ribu urus niaga yang ternyata berlaku.

Pembesihan Sector

Walaupun wang haram melalui pelaburan mewah kekal sebagai suatu aktiviti yang membimbangkan, terdapat beberapa kemajuan positif dari pelbagai hala dengan negara-negara tertentu. Financial Action Task Force (FATF) – merupakan organisasi antar-kerajaan yang menetapkan standard global dalam dasar-dasar anti-pelaburan wang haram - telah mengeluarkan 40 cadangan utama sebagai rujukan penting bagi polisi untuk mengawal selia sektor barangan mewah. Cadangan termasuk langkah terhadap perkara yang "ditetapkan sebagai perniagaan bukan kewangan dan profesion" untuk menerima pakai obligasi AML yang sama yang kini digunapakai oleh sektor kewangan (lihat bar sisi). Pelaku rasuah sering mencari bantuan daripada pengantara profesional untuk melabur wang mereka melalui sektor barangan mewah. Tujuannya adalah agar kumpulan ini mengamalkan ketekunan wajar pelanggan dan penyimpanan rekod, melaksanakan program AML dalaman dan melaporkan urus niaga mencurigakan (cadangan 22 dan 23). Pematuhan, bagaimanapun, masih ditahap rendah dan tidak kukuh.

Arahan anti-pelaburan wang haram Kesatuan Eropah ketiga (EU) dan juga pengganti yang disyorkan, menangani isu perniagaan bukan kewangan dengan jelas seperti akauntan, peguam dan notari (apabila memudahkan transaksi), ejen hartanah, kasino dan peniaga barangan bernilai tinggi. Kategori kedua mesti melengkapkan usaha wajar ke atas bayaran yang dibuat dalam bentuk wang tunai dalam jumlah € 15,000 atau lebih (arahan keempat baru yang dicadangkan akan menurunkan had ini kepada € 7,500).

MENGIKUTI JEJAK CUKAI

Pertukaran maklumat antara pihak berkuasa cukai boleh menjadi sumber berharga untuk mengesan aset haram. Apabila pelaburan dalam sektor barangan mewah seperti hartanah dilakukan oleh pembeli asing, negara penerima hendaklah menyiasat sama ada dana itu telahpun dikenakan cukai di negara asal. Ini akan membantu menentukan sama ada dana itu telah diperolehi melalui aktiviti rasuah atau melalui keadah yang menyalahi undang-undang, jika benar, kemungkinan besar ianya tidak dikenakan cukai.

Pendekatan yang lebih baik adalah dengan meminta peniaga barangan mewah untuk mematuhi kewajipan AML, bebas daripada bentuk pembayaran, tetapi berasaskan kepada nilai barangan yang boleh dijual. Dubai, misalnya, memerlukan semua peniaga barangan bernilai AS \$ 15,000 atau lebih untuk didaftarkan sebagai "perniagaan bukan kewangan dan profesion" supaya jatuh di bawah peraturan AML.

Negara individu telah mengambil langkah tambahan untuk menangani pelaburan wang haram melalui barang-barang mewah dan hartanah. Switzerland, contohnya, merancang untuk melarang bayaran tunai lebih AS \$ 112,000 (100,000 CHF) untuk kedua-dua harta tak alih dan harta alih. Urus niaga melebihi jumlah ini perlu diproses melalui bank dan bukannya secara tunai.

Di kebanyakan negara di mana peraturan AML telah diperluaskan kepada sektor perniagaan bukan kewangan, kelemahan undang-undang dan penguatkuasaan yang konsisten menghalang mereka daripada menjadi penghalang yang berkesan untuk aktiviti pelaburan wang haram. Di UK, sebagai contohnya, di bawah Peraturan Pelaburan Wang Haram 2007, ejen hartanah perlu melengkapkan "usaha wajar" pada penjual, tetapi tidak pada pembeli. Ini merupakan satu kelemahan yang besar memandangkan risiko aktiviti pelaburan wang haram yang berkaitan dengan pembelian harta hartanah. Adalah penting untuk menangani defisit pelaksanaan dengan menjadikan profesion bukan kewangan supaya tertakluk kepada kewajipan AML. Ini boleh dilakukan dengan meminda peraturan sedia ada, menyediakan mereka dengan latihan yang perlu untuk mengenalpasti bendera merah dan memperkenalkan sekatan untuk menghalang subjek daripada gagal memenuhi peraturan mereka.

SARANAN

Kerajaan harus:

- Menutup kelemahan undang-undang sedia ada yang memudahkan penyalahgunaan wang haram dalam perniagaan barang-barang mewah dengan meminda peraturan anti-penyalahgunaan wang haram mereka.
- Memastikan para peniaga barangan mewah tertakluk kepada kewajipan AML sama seperti institusi kewangan, termasuk mengenal pasti dan penyimpanan rekod identiti pelanggan atau pemilik berguna.
- Meluaskan kategori peniaga barangan mewah yang dikenal pasti oleh FATF untuk merangkumi peniaga barangan yang melebihi nilai ambang yang diberikan, tidak kira sama ada ianya merupakan pembelian tunai.
- Mengawal selia sektor tertentu, pelaku dan aktiviti sebagai sebahagian daripada memenuhi tanggungjawab pencegahan pelaburan wang haram. Skop hendaklah sejajar dengan yang ditetapkan oleh FATF.
- Pastikan bahawa peraturan dipatuhi sepenuhnya dengan peraturan anti pelaburan wang haram yang sedia ada di mana mereka sudah meliputi peniaga barangan mewah.
- Meningkatkan kepintaran kewangan, menyediakan panduan untuk mengenal pasti risiko dan mengiktiraf bendera merah, dan memperkenalkan sekatan seperti menarik balik lesen (jika berkenaan), penalti kewangan dan penjara untuk mewujudkan kos yang jelas terhadap tindakan
- Mengurangkan risiko penyalahgunaan wang haram yang berkaitan dengan pembelian barangan mewah atau hartanah dengan memastikan setiap pembelian yang bernilai tinggi diproses melalui bank dan bukannya secara tunai.

Sektor Barangan Mewah harus

- Mengamalkan kod tatalaku dan etika yang sesuai bagi industri dan sektor bagi menangani isu anti-rasuah dan anti-penyalahgunaan wang haram.

- Memastikan semua pemilik dan pekerja dilatih dalam melakukan kewajipan yang wajar dan dalam mengenalpasti tanda-tanda aktiviti rasuah
- Mewujudkan sistem pemantauan dalaman untuk menilai tahap keberkesanan dengan menggunakan langkah-langkah dan peraturan-peraturan secara sukarela.
- menyediakan laluan pemberitahuan maklumat dan talian hotline laporan sulit untuk kakitangan yang ingin melaporkan situasi dimana berlaku penyelewengan dalam kewajipan usaha yang wajar.

Masyarakat Umum harus:

- Meminta kerajaan melanjutkan dan melaksanakan peraturan FTAF bagi sektor barangan mewah di negara mereka.
- Memberi tekanan kepada barangan jenama mewah dan vendor untuk melaksanakan usaha wajar dan melaporkan sebarang transaksi yang mencurigakan
- Panggilan untuk mewujudkan sekatan yang lebih ketat terhadap barangan jenama mewah dan vendor yang gagal mematuhi peraturan AML